

05 JUL 2002

Sarawak-Mahathir/I

SAMBUTAN MERIAH MENUNGGU DR MAHATHIR DI SARAWAK

KUCHING, 5 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Hasmah Mohd Ali akan diberikan sambutan meriah setibanya mereka di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching Isnin ini.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud akan mengetuai 10,000 orang berkumpul di lapangan terbang itu untuk menunjukkan sokongan tidak berbelah bahagi mereka kepada Perdana Menteri, demikian menurut satu kenyataan Jabatan Penerangan Sarawak hari ini.

Dr Mahathir akan diberikan sambutan penuh tradisi oleh pelbagai masyarakat di Sarawak.

Sebaik tiba, Perdana Menteri dijadual merasmikan perhimpunan agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) di Santubong, 35 km dari sini.

PPB adalah tulang belakang Barisan Nasional (BN) negeri yang terdiri dari Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

Pada petangnya, Dr Mahathir akan merasmikan Bangunan Masja di Petra Jaya yang akan menempatkan kementerian-kementerian negeri dan beberapa syarikat. Bangunan itu dimiliki Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak.

Selepas perasmian bangunan itu, Dr Mahathir akan menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Lembaga itu dan Austral Enterprises Sdn Bhd untuk menjalin usaha sama dalam perladangan sawit.

Perdana Menteri dan isteri akan menjadi tetamu kehormat pada majlis jamuan rakyat sebelum pulang ke Kuala Lumpur pada Selasa.

-- BERNAMA

RDY ROS MAI